

HASNOL TOLAK SHARAT BEBAS

Berita Harian, 12 January 1967, Page 1

 Article also available on Microfilm Reel NL4985

HASNOL
TOLAK

SHARAT
BEBAS

KUALA LUMPUR,
Rabu. — Kerajaan
juga telah membebas-
kan Datuk Kampo
Radjo, bekas Ahli
Dewan Negeri Sela-
ngor bersama Inche
Boestamam sa-telah
kedua2-nya menerima
sharat2 pembébasan
mereka.

Tetapi, Inche Hasnol Hadi bekas Presiden Majlis Munisipal Melaka TIDAK mahu menerima syarat2 pembebasan itu. Dan beliau mahu di-tahan terus kecuali di-bebaskan tanpa syarat.

Demikian menurut sebuah kenyataan Kementerian Dalam Negeri hari ini.

Inche Boestamam dan Datuk Kampo Radjo telah keluar dari tempat tahanan di-Batu Gajah semalam.

Tiada bahaya

Kenyataan Kementerian itu menerangkan: "Kerajaan baru2 ini mengambil keputusan untuk membebaskan dari tahanan, de-

ngan beberapa syarat. Inche Boestamam, Inche Hasnol bin Abdul Hadi dan Datuk Kampo Radjo kerana ada-lah di-anggap bahawa mereka tidak lagi mengancam keselamatan negara.

"Ketiga2 orang ini telah ditangkap dan di-tahan di-bawah Undang2 Keselamatan Dalam Negeri kerana terlibat dalam rancangan2 Indonesia hendak menggulingkan Kerajaan Malaysia sa-chara kekerasan.

"Sharat2 pembebasan mereka ialah yang biasa di-kenakan ka-atas sa-saorang tal anan yang di bebaskan.

"Inche Ahmad Boestaman dan Datuk Kampo Radjo telah bersetuju di-bebaskan menurut syarat2 biasa itu, dan mereka telah di-lepaskan semalam.

Tanpa syarat

"Inche Hasdol dan Abdul Hadi dengan tegas menyatakan ia tidak sanggup menerima pembebasan bersyarat dan ia mahu terus dalam tahanan kechuall di-bebaskan tanpa syarat," demikian kenyataan kementerian.

Inche Hasdol telah di-tahan waktu menjadi Presiden Majlis Munisipal Melaka dan Pengerusi mendiang Socialist Front Melaka pada 12 February 1965.

Datuk Kampo Radjo, 46 tahun, pula di-tangkap dan di-tahan pada 27 January 1965 (bersama bekas MPP ketua PAS, Raja Mohamad Hanifah 'yang telah bebas sa-delum ini).

Bellau ketika itu menjadi Setiausaha Agung Parti Perhimpunan Kebangsaan yang diketuai oleh bekas Menteri Inche Anis Ishak.

